

09/01/2000

Bersatu hadapi cabaran

TAHNIAH kepada umat Islam di seluruh dunia yang berjaya menyambut ketibaan 1 Syawal pertama alaf ini dalam suasana meriah dan aman. Aidilfitri kali ini amat bermakna, khususnya kepada rakyat Malaysia yang baru menyelesaikan tanggungjawab memilih kerajaan baru.

Kempen pilihan raya yang dicemari pelbagai tuduhan dan fitnah sesama umat Islam sedikit sebanyak memecahbelahkan perpaduan yang dinikmati orang Melayu di Malaysia. Ibarat gajah sama gajah berlawan semut mati ditengah-tengah, pilihan raya juga begitu. Rakyat bermusuhan ketika kempen pilihan raya, tetapi yang menang hanya parti politik.

Jangan kita terbawa-bawa dengan semangat kepartian semasa kempen itu sehingga ia menjadi sebahagian hidup kita. Pilihan raya hanyalah satu tanggungjawab lima tahun sekali. Oleh itu, rakyat mesti menerima apa saja keputusan daripada pilihan raya dan meneruskan hidup seperti biasa. Jangan kita jadikan hidup bermusuhan sebagai budaya kita. Budaya kita adalah hidup aman, bermaaf-maafan dan bersyukur kepada rahmat yang dilimpahi ke atas kita.

Adalah menjadi harapan agar rakyat Malaysia, khususnya umat Islam menggunakan hari dan bulan yang mulia ini untuk melupakan segala pergeseran politik masing-masing dan menumpukan semula usaha untuk bersatu padu dan berganding tenaga untuk menghadapi pelbagai cabaran bersama, khususnya yang mungkin datang dari luar.

Kita juga amat bernasib baik kerana berkat usaha dan keberanian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kegawatan ekonomi yang melanda seluruh Asia, dapat diatasi dengan segera. Ekonomi kita sudah pulih dan rata-rata persiapan Aidilfitri tahun ini juga semakin rancak, tidak seperti tahun lalu.

Bagaimanapun, amanat Dr Mahathir supaya umat Islam bersikap sederhana dalam sambutan Aidilfitri kali ini perlu diterima sebagai ingatan supaya kita tidak boros berbelanja atau lupa diri ketika merayakan Aidilfitri. Rakyat Malaysia amat bernasib baik kerana dapat berhari raya dalam suasana aman dan penuh kegembiraan kerana pemulihan ekonominya, berbanding umat Islam di beberapa negara jiran yang masih tersepit dalam belunggu perang saudara kerana perasaan benci sesama rakyat mereka.

Peristiwa hitam Julai 1997, apabila penyanggak mata wang menyerang ekonomi Asia Tenggara mesti sentiasa dalam ingatan sebagai satu pengajaran yang maha penting supaya kita tidak lagi cuai atau lalai. Jangan kita ketika bergembira berhari raya terus gelojoh hingga lupa diri. Kita mesti sentiasa bersiap sedia menghadapi sebarang cabaran terhadap ekonomi kita pada masa depan dan persiapan itu mesti bermula daripada setiap individu.

Sambutan Aidilfitri adalah sebagai tanda kesyukuran kepada Tuhan kerana umatnya berjaya melaksanakan tanggungjawab ibadat berpuasa dari semua segi. Rakyat Malaysia sepatutnya bersyukur kerana berkat usaha kerajaan dan pasukan keselamatan yang ketika ini masih mengharungi hutan belantara menjaga keamanan negara, kita dapat hidup aman damai dalam suasana bersatu padu dan harmoni.

Lantas, rakyat patut belajar berterima kasih di atas nikmat itu supaya mereka yang berkhidmat menyediakannya akan terus berusaha gigih untuk memastikan Malaysia tetap maju dan ekonomi berkembang agar rakyatnya dapat merasai kehidupan lebih baik berbanding rakyat di negara lain.

Sementara umat Islam di Malaysia menyambut ketibaan 1 Syawal dalam keadaan mewah dengan pelbagai juadah dan hidangan, mereka juga perlu

memikirkan nasib malang yang dihadapi umat Islam di beberapa negara lain yang hidup melarat kerana cengkaman kemiskinan dan perbalahan sesama mereka. Umat Islam Malaysia dikurniakan pelbagai nikmat dan marilah kita bersyukur kepada Ilahi kerana memberi nikmat itu.

Jangan kita sekali-kali lupa diri atau jasa orang yang berkorban untuk memastikan negara ini terus aman dan maju. Jangan kita biarkan diri kita diperalatkan oleh mana-mana pihak supaya kita membenci nikmat itu atau orang yang memberinya. Malaysia kini adalah negara contoh ekonomi baru. Malah Malaysia juga dinamakan antara 20 ekonomi paling maju tahun ini.

Adalah menjadi harapan setiap insan di bumi yang bertuah ini menjadikan bersyukur amalan hidup dan ibadah kerana itu sifat insan yang mulia.

(END)